



## FACT SHEET

**PROGRAM PELEPASAN BENIH UDANG GALAH KE PERAIRAN  
UMUM, PENYERAHAN LESEN SAMPAN KHAS, BANTUAN SPEKS  
AKUAKULTUR DAN BANTUAN BAKUL MAKANAN MAFI PRIHATIN  
OLEH YBTM 1 KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(MAFI)**

1. Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) amat komited bertindak sebagai pemacu dalam sektor perikanan bagi memastikan keperluan bekalan protein negara mencukupi untuk keperluan rakyat Malaysia. Permintaan terhadap sumber protein ini akan terus meningkat bergantung kepada keperluan dan populasi penduduk. Namun begitu, jaminan bekalan ikan makan akan terus menjadi cabaran besar kepada jabatan akibat beberapa faktor antaranya; perubahan iklim, kenaikan harga input, liberalisasi kewangan dan persaingan bahan makanan.
2. Jabatan Perikanan Malaysia telah mengadakan program **Pelepasan Benih Udang Galah ke Perairan Umum** yang dilepaskan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Haji Ahmad Bin Hamzah, Timbalan Menteri 1 MAFI. Ia adalah **bertujuan; menambah dan mengekalkan stok udang galah di perairan umum, melindungi stok ikan asli yang terdapat di perairan umum, memperkenalkan perikanan rekreasi sebagai salah satu aktiviti utama dalam perairan yang berdekatan dengan bandar dan membangunkan perusahaan pelancongan berdasarkan perikanan rekreasi.** Program ini merupakan sebahagian daripada kalender aktiviti Pejabat Perikanan Negeri Melaka dan dilakukan secara berkala.
3. Sebanyak **100,000 ekor benih udang galah dilepaskan pada hari ini dengan peruntukan sebanyak RM14,000.00**. Bermula dari Januari 2021 hingga hari ini, sebanyak 176,100 benih ikan dan 300,000 ekor benih udang telah dilepaskan. Jumlah keseluruhan adalah sebanyak **476,100 ekor benih ikan dan udang yang berjaya dilepaskan ke perairan umum** bagi manfaat penduduk setempat khususnya.
4. YBTM 1 turut menyerahkan **lesen sampan khas kepada nelayan sepenuh masa** yang memenuhi kriteria-kriteria bagi permohonan lesen sampan khas. Pada tahun 2020, Negeri Melaka telah melesenkan 30 buah sampan manakala pada tahun 2021 pula sebanyak 141 buah sampan telah dilesenkan. Semua pemohon yang layak

dilesenken ini telah menghadiri temuduga yang dijalankan oleh Pejabat Perikanan Negeri Melaka. Seramai **34 orang nelayan daerah Alor Gajah** telah menerima Sijil Lesen Sampan Khas yang disampaikan pada hari ini. Diharap dengan pemberian Lesen Sampan Khas ini dapat membantu nelayan menangkap ikan di laut secara sah disamping boleh menjana pendapatan bagi kelangsungan hidup.

5. Selain perikanan laut, akuakultur juga telah dikenalpasti sebagai salah satu sumber utama dalam meningkatkan pengeluaran ikan bagi memenuhi permintaan domestik. Bagi meningkatkan lagi industri akuakultur negeri Melaka, Perikanan Negeri Melaka telah memberi **bantuan Sistem Penyampaian dan Khidmat Sokongan (SPeKS) Akuakultur. Seramai 46 orang penternak dan nelayan telah menerima bantuan yang bermanfaat ini dengan jumlah peruntukan adalah sebanyak RM1,237,101.00.** Antara bantuan yang akan diperolehi adalah makanan ikan, benih ikan dan peralatan akuakultur termasuk sangkar dan rak kupang yang diwakili oleh 5 orang penerima bagi daerah Alor Gajah.
6. Objektif bantuan SPeKS ini adalah untuk memastikan Key Performance Index (KPI) data pengeluaran ikan makan negara tercapai khususnya bagi **negeri Melaka yang mensasarkan 4,000 tan metrik bagi tahun 2021.** Selain itu, bantuan ini juga secara tidak langsung dapat membantu penternak-penternak akuakultur negeri Melaka untuk terus berdaya saing dalam bidang akuakultur.
7. MAFI melalui Jabatan telah mewujudkan satu program inisiatif kerajaan yang melibatkan penyerahan bantuan makanan iaitu **MAFI Prihatin. Bantuan makanan ini merupakan hasil daripada aktiviti pertanian dan produk makanan.** Program seumpama ini dapat membantu mereka yang terkesan khususnya petani, peladang, penternak dan nelayan. Pelaksanaanya juga adalah selari dengan seruan kerajaan bagi mempertingkatkan sekuriti makanan negara. Dalam masa yang sama juga program ini dapat mengurangkan kesan dan impak ekonomi negara yang tidak stabil. **Penyerahan bakul makanan MAFI Prihatin kepada 45 Nelayan Darat Negeri Melaka dilakukan oleh YBTM 1** dalam majlis yang sama.
8. Turut hadir dalam majlis hari ini adalah Datuk Amiruddin Yusof, Adun Ayer Limau; YB Datuk Norhizam Bin Hassan Baktee, EXCO Pertanian, Penternakan, Pembangunan Usahawan & Koperasi Negeri Melaka; Datuk Seri Ab Rauf Bin Yusoh, Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka dan YAB Datuk Seri Utama (Dr.) Haji Sulaiman Bin Mat Ali, Ketua Menteri Melaka

###

Kenyataan media ini disiarkan oleh :

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia  
Wisma Tani, Putrajaya

**4 September 2021 (Sabtu)**

Sebarang pertanyaan sila hubungi :-  
No. Tel: 019-381 7402 (Ahmad Faizal)  
017-255 5643 (Nazrin) – PPN Melaka  
Email : [ukk@dof.gov.my](mailto:ukk@dof.gov.my) ; [pro@dof.gov.my](mailto:pro@dof.gov.my)